

**KAJIAN META-ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN
PENCEGAHAN DI AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN**

Prof. Madya Dr. Mohd Muzafar Shah bin Mohd Razali (Ketua)

Dr. Md Azman bin Shahadan

Prof. Madya Dr. Mohammad Aziz Shah bin Mohamed Arip

Che Anuar bin Che Abdullah

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Dr. Mohammad Isa bin Amat

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Mohd Farid bin Hj. Mohamad Japeri

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

Azad Athahiri Bin Anuar (Pembantu Penyelidik)

Abstrak

Tujuan kajian ini ialah menjalankan kajian meta-analisis keberkesanan program pendidikan pencegahan dadah di Agensi Antidadah Kebangsaan dengan menggunakan model *Heterogeneity* atau *Homogeneity*. Kajian ini dijalankan dengan meneroka kajian-kajian lepas tempatan yang berkaitan kesan program pendidikan pencegahan dadah di Malaysia dan dipilih berdasarkan kriteria *inclusion* dan *exclusion* yang telah ditetapkan. Lokasi kajian ialah di sepuluh buah universiti awam tempatan dan sebuah agensi. Sebanyak 24 buah kajian telah dikenal pasti dan hanya 3 buah kajian yang dipilih untuk dianalisis. Perisian komputer *R* telah digunakan untuk menganalisis data kajian. Dapatan analisis kajian menunjukkan kekuatan nilai 'g' *Hedges* bagi keseluruhan kesan program pencegahan berada pada tahap sederhana (0.54). Ini menunjukkan keseluruhan program pencegahan yang telah dijalankan tidak mencapai tahap keberkesanan yang tinggi.

Keywords

Program pencegahan dadah, AADK, *inclusion*, *exclusion*, meta-analisis.

Pendahuluan

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2007) menyatakan bahawa fenomena penyalahgunaan najis dadah dalam kalangan pelajar sekolah perlu di pandang serius kerana ia berkaitan dengan masalah disiplin seperti merokok, ponteng sekolah, melawan guru, mencuri, bergaduh dan merosakkan harta benda sekolah atau vandalisme, yakni kebiasaannya murid yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah bukan sahaja menghadapi masalah disiplin dan akademik tetapi turut juga terdedah kepada risiko gejala sosial di luar sekolah seperti penglibatan dengan kumpulan samseng, pergaulan bebas, melepak, hamil luar nikah dan lari dari rumah.

Statistik yang dikeluarkan oleh pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (2015) melaporkan seramai 20,289 penagih dadah baru berjaya dikesan. Ini menunjukkan betapa perlunya program-program pencegahan dadah yang berkesan dilaksanakan. Namun begitu, sejauh mana kesan program-program yang telah dilaksanakan selama ini maka kajian meta-analisis terhadap semua kajian lepas yang berkaitan dalam bidang ini perlu diadakan.

Program Pendidikan Pencegahan Dadah

Pada 28 Februari 1983, Jawatankuasa Kabinet Antidadah telah mengisytiharkan "*Dadah Musuh Utama Negara*". Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah. Sasaran utama program ialah kepada murid, guru, kakitangan sekolah dan ibu bapa.

Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) merupakan usaha yang berterusan dalam penyebaran maklumat dan meningkatkan kesedaran terhadap bahaya penyalahgunaan dadah di sekolah. Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) bertumpu di sekolah kerana hasil kajian menunjukkan penagih dadah mula mencuba dadah ketika mereka masih berada di bangku sekolah lagi iaitu dalam lingkungan usia 13 hingga 17 tahun (Ais, 2013).

Walaupun pelbagai program telah diatur oleh agensi kerajaan mahu pun bukan kerajaan bagi mengatasi masalah ini, ia tetap sukar debendung dan menjadi semakin teruk. Antara

masalah sosial yang dianggap sebagai salah satu musuh nombor satu negara adalah penyalahgunaan dadah (Mohd Noorazam et al., 2009).

Jones dan rakan-rakan (2007), serta Morgan dan rakan-rakan (2002) menyebutkan bahawa walaupun pelbagai program pencegahan telah wujud, namun ianya di lihat memberi impak yang sedikit kepada masyarakat. Ini adalah sesuatu yang sangat membimbangkan kerana tanpa program-program pencegahan yang berkesan, dikhuatiri akan meningkatkan lagi bilangan penagih baru hari demi hari.

Sorotan Kajian Program Pencegahan di Malaysia

Mahmood dan rakan-rakan (2005) menjalankan sebuah kajian untuk mengenal pasti kesan program Skim Lencana Anti Dadah (SLAD) dengan merujuk kepada objektif program dan menggunakan reka bentuk kajian eksperimental. Sampel kajian terdiri daripada 66 orang pelajar tingkatan empat (16 tahun) sekolah menengah kebangsaan dari seluruh Malaysia yang mewakili sekolah masing-masing dalam program SLAD di UUM. Alat ukur yang digunakan dalam kajian ini di bina berdasarkan objektif program SLAD. Dapatan kajian menunjukkan aspek pengetahuan meningkat selepas mengikuti program SLAD. Manakala aspek harga diri keluarga, sendiri, rakan sebaya, sekolah juga turut meningkat. Selain itu, Jamaludin (2013) menjalankan kajian sarjananya yang bertujuan melihat kesan program pencegahan dadah SHIELDS terhadap peserta program di daerah Kluang Johor berdasarkan model *Kirkpatrick* dengan melihat empat aspek utama iaitu reaksi, pembelajaran, tingkah laku, dan hasil. Sampel kajian terdiri daripada 37 peserta yang telah menghadiri program SHIELDS bagi sesi 2012. Kajian ini menggunakan reka bentuk jenis kaedah campuran. Alat ukur yang digunakan adalah soal selidik dan protokol temubual. Dapatan kajian menunjukkan keempat-empat aspek yang di kaji menunjukkan reaksi positif iaitu peserta berpuas hati dengan latihan yang diikuti, mendapat pengetahuan serta dapat meningkatkan kemahiran, berlakunya perubahan sikap serta mendapat manfaat meninggalkan dadah.

Objektif Kajian

- 1) Mengumpul kajian-kajian lepas dalam pendidikan pencegahan dadah oleh AADK dan badan-badan lain dalam bentuk tesis, artikel jurnal, laporan seminar.
- 2) Mengenalpasti kajian mengikut jenis (eksperimental, tinjauan, kuantitatif, kualitatif).
- 3) Menjalankan meta-analisis keberkesanan program pendidikan pencegahan dadah.
- 4) Mengenalpasti kekuatan dan kekurangan kajian yg telah dijalankan.
- 5) Membuat laporan dan cadangan penambahbaikan kajian di masa hadapan kepada AADK.

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah meta-analisis untuk mengenal pasti program pendidikan pencegahan dadah yang berkesan berdasarkan *effect size*. Terdapat dua jenis *effect size* iaitu yang berasaskan *r* (*correlational study*) dan *d* (*experimental study*).

Pemilihan kajian

Pemilihan kajian untuk dijalankan meta-analisis perlu mengikuti syarat dan ciri kriteria *inclusion* dan *exclusion* yang ditetapkan seperti berikut:

<i>Inclusion</i>	<i>Exclusion</i>
- Keberkesanan program pendidikan pencegahan dadah; Kesedaran, Pengetahuan & Kemahiran (NIDA, 2002)	- Program rawatan & pemulihan
- Pencegahan awalan	- Kajian pencegahan sekunder & tertiar
- <i>Setting</i> sekolah/universiti	- <i>Seting</i> selain sekolah/universiti
- Lokasi semenanjung Malaysia	- Lokasi kajian luar Malaysia
- Tahun 2015 ke bawah	- Tahun kajian 2016 ke atas
- Maklumat statistik deskriptif	

-
- Tesis, laporan & jurnal AADK
 - Eksperimental/tinjauan
-

Kaedah carian

Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan tiga kaedah sebagai strategi untuk mengumpulkan bahan kajian. Tiga kaedah tersebut adalah:

- 1) Carian menggunakan komputer (internet).
- 2) Merujuk senarai rujukan.
- 3) Carian secara langsung.

Lokasi Sumber Kajian

Lokasi sumber kajian yang dikenalpasti untuk tujuan penyelidikan ini ialah sebelas buah universiti awam tempatan dan sebuah agensi. Jadual berikut menunjukkan senarai lokasi sumber kajian tersebut:

Bil.	Lokasi	Tempat Carian
1.	Universiti Malaya (UM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
3.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
4.	Universiti Teknologi Mara (UITM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
5.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Perpustakaan
6.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	Pusat Sumber
7.	Universiti Sains Malaysia (USM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
8.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
9.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Perpustakaan
10.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Perpustakaan
11.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
12.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Perpustakaan & ACREDA

Bahan kajian terkumpul

Setelah menjalankan proses pengumpulan bahan kajian, hanya terdapat sebanyak 24 buah kajian yang berkaitan dengan program pendidikan pencegahan dadah, senarai kajian adalah seperti dalam jadual berikut:


Bil	Lokasi	Tajuk	Penulis	Tahun	Lokasi Sampel	Rekabentuk
1.	USIM	<i>Implementation of School-Based Drug Prevention Programme in Petaling Perdana District</i>	Vijayalachu my A/P Alagarasamy	2010 (Tesis MA)	Sekolah / Murid Sekolah	Tinjauan
2.	UiTM	Keberkesanan Pengajaran Terhadap Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Murid Tingkatan Empat di Sebuah Sekolah Menengah Lembah Kelang	Mohd Noorazam	2006 (Tesis MA)	Sekolah / Murid sekolah	Tinjauan
3.	UiTM	Keberkesanan Pengajaran Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Murid Tingkatan 4 Sekolah Menengah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 2, Shah Alam, Selangor	Mohd Noorazam et al.	2008	Sekolah / Murid Sekolah	Tinjauan
4	UUM	Program pendidikan pencegahan dadah SLAD: adakah ia berkesan mencapai matlamatnya?	Mahmood Nazar et al.	2005 (Artike l)	Sekolah / Murid Sekolah	Experiment al
5.	AADK	Keberkesanan Pelaksanaan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di Sekolah Rendah	Chan Yuen Fook et al.(1)	Kajian AADK	Sekolah / Murid Sekolah	Tinjauan
6.	AADK	<i>Substance Abuse Presevention among Secondary School Student in Malaysia</i>	Chan Yuen Fook et al.(2)	2012 Kajian AADK	Sekolah / Murid Sekolah	Tinjauan
7.	AADK	Penilaian Keberkesanan Program Skuad 1Malaysia dalam Pencegahan Dadah di Malaysia	Chan Yuen Fook et al.(3)	2013 Kajian AADK	Sekolah / Guru & Pegawai	Tinjauan
8.	AADK	Kefahaman Kemahiran Keibubapaan dan Kesedaran Kesan Dadah kepada Kesihatan Sebelum dan Sesudah Peserta Menghadiri Program 'Family on Alert'	Nazariah et al.	2013 Kajian AADK	Daerah Kerian Lelaki, Bujang, umur 41-50	Experiment al
9.	AADK	Tahap Keberkesanan Kempen AntiDadah di Malaysia dan Strategi Komunikasi bagi Peningkatan Kesedaran Bahaya Penyalahgunaan Dadah	Zainol et al.	2012 Kajian AADK	500 sampel seluruh Malaysia mengikut zon	Tinjauan
10.	AADK	Remaja Berisiko Mengambil Dadah: Langkah Pengesanan dan Pencegahan Awal	Mohammad Nasir et al	2013 Kajian	Remaja	Experiment al

				AADK		
11.	AADK	Keberkesanan Program Shield dalam Mencegah Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Remaja Berisiko	Sabitha Marican et al.	2013 Kajian AADK	Remaja	Tinjauan
12.	AADK	Kesan Program Pencegahan Dadah Berasaskan Modul Pengubahsuaian Corak Pemikiran (PCP) ke atas Daya Tahan dan Kelangsangan dalam Kalangan Belia Berisiko	Mohammad Aziz Shah et al	2013 Kajian AADK	UPSI / Belia lelaki & perempuan	Experiment al
13.	AADK	Pemerkasaan Strategi Intervensi dan Pencegahan Dadah Berasaskan Tanggungjawab Sosial Komuniti	Roziha Omar et al.	2015 Kajian AADK	-	Tinjauan
14.	AADK	Pengajaran Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4	Mohd Norazam et al	2009 Jurnal AADK	Sekolah / Murid Sekolah	Tinjauan
15.	AADK	Program Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah Rendah di Malaysia	Chan et al.	2009 Jurnal AADK	Sekolah / Murid Sekolah	Campuran
16.	AADK	Perbandingan Program Bimbingan Serta Terapi Penyalahgunaan Dadah di Malaysia dan Asia	Abd Halim et al	2011 Jurnal AADK	Orang awam	Kajian Kepustakaa n
17.	AADK	Keberkesanan Program Skwad 1 Malaysia dalam Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Klien Berisiko di Komuniti	Chan et al.	2015 Jurnal AADK	4 buah negeri / Sukarelawan	Campuran
18.	AADK	Implikasi Kajian Risiko dan Pelindung Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Remaja dan Belia Terhadap Program Pencegahan Dadah	Mohd Muzafar	2015 Jurnal AADK	IPT, Kolej kemahiran, Pusat pemulihan	Tinjauan
19.	UTM	Impak Program Pencegahan Shields Kepada Pembangunan Pelajar Di Daerah Mersing Johor	Ais Md Sulbidin	2013 (Tesis MA)	Sekolah / Murid Sekolah	Campuran
20.	UTM	Impak Program Pencegahan Shields Kepada Pembangunan Pelajar Di Daerah Kluang, Johor	Jamaludin Salimin	2013 (Tesis MA)	Sekolah / Murid Sekolah	Campuran
21.	UTM	Impak Program Pencegahan Shields Kepada Pembangunan Pelajar Di Daerah Muar dan Ledang	'Aifaa Jasni	2013 (Tesis MA)	Sekolah / Murid Sekolah	Campuran
22.	UTM	Impak Program Pencegahan Shields Kepada Pembangunan Pelajar Di Daerah Batu Pahat	Lau Yoke Siew	2013 (Tesis MA)	Sekolah / Murid Sekolah	Campuran
23.	UTM	Impak Program Pencegahan Shields Kepada Pembangunan Pelajar Di Daerah Segamat, Johor	Nor Azmin	2013 (Tesis MA)	Sekolah / Murid Sekolah	Campuran
24.	AADK	Keberkesanan Program Skwad 1 Malaysia Dalam Pencegahan	Chan et al.	2015	Muar, Dang	Campuran

		Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Klien Berisiko di Komuniti		Jurnal Anti Dadah	Wangi, Seberang Perai Tengah & Kuala Langat	
--	--	---	--	-------------------	---	--

Pentadbiran kajian

Rajah berikut memberi gambaran secara menyeluruh proses pentadbiran kajian meta-analisis ini:



Prosedur menganalisis data

Bagi mencapai tujuan kajian, prosedur statistik meta-analisis dijalankan bagi melihat pertalian kajian-kajian yang dipilih berdasarkan kriteria *inclusion* dan *exclusion* yang telah ditetapkan untuk melihat kekuatan (*power*) kajian akan keberkesanan program-program pendidikan pencegahan dadah yang telah dijalankan. Pertamanya, menganggarkan *effect size* berdasarkan formula *Cohen* dengan menggunakan program perisian komputer 'R' dibawah rutin 'metafor' (Del Re, 2015) dengan formula $d = \frac{X_1 - X_2}{SD}$, Seterusnya *Cohen d correction* di buat berdasarkan

cadangan yang telah dikemukakan oleh Hedges = 'g' (Hedges & Olkin, 1985; Borenstein et al., 2009) untuk menukar 'd' *Cohen* kepada 'g' *Hedges*. Bagi mengira 'g', *correction factor J* perlu dikira terlebih dahulu menggunakan formula $J = 1 - \frac{3}{4 \times df - 1}$. Oleh itu, indeks *power* yang digunakan adalah indeks 'g'. 'g' yang dinilai adalah berasaskan kepada kajian individual.

Dapatan Kajian

Dapatan preliminari


Hasil dari proses pengumpulan bahan kajian yang dijalankan, secara keseluruhannya pengkaji berjaya mengumpulkan sebanyak 24 buah kajian yang berkaitan program pendidikan pencegahan dadah. Namun, hanya beberapa buah kajian sahaja yang sesuai di pilih untuk dijalankan meta-analisis. Jadual berikut menunjukkan pemilihan bahan kajian mengikut jenis dan reka bentuk kajian:

Status Kajian	Jenis dan Reka Bentuk Kajian	Frekuensi	Peratusan (%)
Diterima	Eksperimental	3	12.5
Ditolak	Eksperimental	1	4.2
	Tinjauan	11	45.8
	Campuran	8	33.3
	Kualitatif	1	4.2


Dapatan meta-analisis

Dapatan analisis menunjukkan nilai 'g' *Hedges* bagi keseluruhan kesan program pencegahan yang dinilai berada pada tahap sederhana (0.54) (namun nilai (0.54) tidak boleh digunakan kerana setiap kajian perlu bersifat *independant*. Hal ini menunjukkan keseluruhan program yang


dijalankan tidak mencapai tahap keberkesanan yang tinggi. Namun begitu, dapatan analisis menunjukkan daripada ketiga-tiga kajian, kajian oleh M. Nasir dan rakan-rakan (2013) adalah memiliki kekuatan (*power*) yang paling tinggi dengan nilai 'g' keseluruhan sebanyak 1.26. Rajah berikut menunjukkan *power* bagi setiap kajian yang disoroti:



Rajah seterusnya menunjukkan kekuatan (*power*) skor agregat bagi setiap kajian:



Bagi kajian yang memiliki *power* yang tinggi iaitu kajian M.Nasir dan rakan-rakan (2013), kesemua lapan kajian (*study*) di dalamnya berada pada tahap yang tinggi, yakni komponen Hadapi Cabaran (*study* 8) memiliki kekuatan (*power*) yang paling tinggi iaitu 1.83. Manakala komponen yang paling rendah ialah Optimistik (*Study* 6) yang memiliki nilai kekuatan (*power*) 0.85, namun masih berada pada tahap kekuatan (*power*) yang tinggi. Rajah berikut menunjukkan *power* bagi delapan-lapan *study* berikut:



Perbincangan

Berdasarkan dapatan awal kajian ini menunjukkan bahawa kajian-kajian dalam bidang pencegahan dadah masih kurang dijalankan di Malaysia. Kekurangan ini menggambarkan kelemahan dan kekurangan program-program pendidikan pencegahan yang ada dan telah dijalankan di Malaysia. Berdasarkan kajian jenis kuantitatif yang berjaya di kumpul, menunjukkan bahawa hanya empat kajian sahaja yang menggunakan reka bentuk eksperimental, dan selebihnya adalah menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Ini menunjukkan kurangnya kajian yang mengkaji ‘kesan’ dan ‘sebab’, atau dengan kata lain banyak kajian yang dijalankan hanya mengkaji tentang ‘*what?*’ dan ‘*why?*’, tetapi kurang kajian yang mengkaji tentang ‘*how?*’. Sedangkan kajian yang mengkaji tentang ‘kesan’ dan ‘sebab’ adalah penting bagi melihat

keberkesanan pencegahan dadah yang telah dijalankan di Malaysia sama ada yang berbentuk program pendidikan atau pembangunan modul pencegahan.

Dapatan statistik meta-analisis pula menunjukkan daripada tiga buah kajian eksperimental yang di pilih hanya sebuah kajian sahaja yang menunjukkan kesan program pendidikan pencegahan dadah yang tinggi. Manakala dua buah kajian lagi menunjukkan tahap keberkesanan program yang rendah. Melalui dapatan ini memaklumkan kepada kita bahawa perlunya lebih banyak lagi program pendidikan pencegahan dadah yang berkesan dijalankan. Dengan adanya pelbagai program pencegahan yang berkesan, diharapkan dapat menurunkan peningkatan jumlah penagih dadah, terutamanya dalam kalangan remaja.

Cadangan

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, beberapa cadangan terutamanya untuk kajian pada masa hadapan dapat di buat, cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Kajian bidang pencegahan amat sedikit.
- 2) Banyak kajian hanya fokus kepada *The, What & Why*. Terlalu sedikit tentang *How?* (Penyelidikan yang mengkaji tentang kesan dan sebab seperti pembinaan instrumen, modul intervensi dan sebagainya).
- 3) Perlu garis panduan penyelidikan yang jelas dan selaras (metodologi, matlamat kajian, output kajian).
- 4) Semakan proposal kajian oleh panel pakar bagi memastikan tahap penyelidikan yang berkualiti.
- 5) Pembahagian penyelidikan mengikut kepentingan sektor (seperti contoh, pencegahan – 30%, rawatan & pemulihan – 30%, polisi – 30%, lain-lain – 10%).
- 6) Memberi fokus kajian kepadareka bentuk eksperimental atau *randomised trial study*.

Rujukan

- Ais, M. S. (2013). *Impak Program Pencegahan Dadah Shields Kepada Pembangunan Pelajar di Daerah Mersing, Johor* (Tesis Sarjana), Universiti Teknologi Malaysia.
- 'Aifaa, J. (2013). *Impak Program Pencegahan Dadah Shields Kepada Pembangunan Pelajar di Daerah Muar dan Ledang*(Tesis Sarjana), Universiti Teknologi Malaysia.
- Arora, N., & Zoubi, F. H. (2011). A Review of Meta-Analysis Methods and Empirical Analysis of Davar's (2006) Improvement Over Hunter-Schmidt-Jackson (1982) Framework. *International Journal of Arts & Sciences*, 4(22), 165-180, ISSN: 1944-6934.
- Abdul, H. M. H., Asmawati, M. A., & Ahmad, K. A. W. (2011). Perbandingan Program Bimbingan Serta Terapi Penyalahgunaan Dadah di Malaysia dan Asia. *Jurnal AADK*, 7(1).
- Boucher, A. R. (2012). *Classroom Based Substance Use Prevention Programs: A Meta-Analysis* (Master Thesis). University of Central Florida.
- Borenstein, M., Hedges, L. V., Higgins, J. P. T., & Rothstein, H. R. (2009). *Introduction to Meta-Analysis*. John Wiley & Sons, Ltd.
- Chan, Y. F., Abdul, H. M. H., Gurnam, K. S., Nazeera, A. B., & Rozilah, A. A. (2013). Program Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah Rendah di Malaysia. Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Chan, Y. F., Abdul, H. M. H., Gurnam, K. S., Nazeera, A. B., & Rozilah, A. Z. (2009). Program Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah Rendah di Malaysia. *Jurnal AADK*.
- Chan, Y. F., Abdul, H. M. H., Gurnam, K. S., & Nazeera, A. B. (2010). Keberkesanan Pelaksanaan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di Sekolah Rendah. *Kajian AADK & UITM*.
- Chan, Y. F., Gurnam, K. S., Abdul, H. M. H., Wee, E. H., Lim, P. C., & Mohd, Z. A. H. (2012). Substance Abuse Presevention among Secondary School Student in Malaysia. *Kajian AADK & UITM*.
- Chan, Y. F., Gurnam, K. S., Wee, E. H., Mohd, Z. A. H., & Abdul, H. M. H. (2013). Penilaian Keberkesanan Program Skuad 1 Malaysia dalam Pencegahan Dadah di Malaysia. *Kajian AADK*.
- Chan, Y. F., Gurnam, K. S., Wee, E. H., Mohd, Z. A. H., & Abdul, H. M. H. (2015). Keberkesanan Program Skuad 1 Malaysia dalam Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Klien Berisiko di Komuniti. *Jurnal AADK*, 9(1).
- Del Re, A. C. (2015). A Practical Tutorial on Conducting Meta-Analysis in R. *The Quantitative Methods for Psychology*, 11(1). Doi: 10.20982/tqmp.11.1.p037

- Espada, J. P., Gonzalvez, M. T., Orgiles, M., Lioret, D., & Guillen, R. A. (2015). Meta-Analysis of The Effectiveness of School Substance Abuse Prevention Programs in Spain. *Psicothema*, 27(1), 5-12.
- Ennett, S. T., Tobler, N. S., Ringwalt, C. L., Flewelling, R. L. (1994). How effective is drug abuse resistance education? A meta-analysis of Project DARE outcome evaluations. *American Journal of Public Health*, 84(9), 1394-1401.
- Ennett, S. T., Ringwalt, C. L., Thorne, J., Rohrbach, L. A., Vincus, A., Rudolph, A. S., & Jones, S. (2003). A Comparison of Current Practice in School-Based Substance Use Prevention Programs with Meta-Analysis Findings. *Prevention Science*, 4(1), 1-14, DOI: 10.1023/A:1021777109369.
- Field, A. P. (2001). 'Meta-analysis of Correlation Coefficients: a Monte Carlo Comparison of Fixed and Random Effects Methods'. *Psychological Methods*, vol 6, pp 161-180.
- Glass, G.V. (1976) 'Primary, Secondary, and Meta-Analysis of Research', *Review of research in Education*, <http://www.blackwellpublishing.com/medicine/bmj/systreviews/>
- Hedges, L. V. (1992). 'Meta-analysis'. *Journal of Educational Statistics*, vol 17, pp 279-296.
- Hedges, L. V. (1985). *Statistical Methods for Meta-Analysis*. Academic Press Orlando, FL.
- Jones, S. E., Fisher, C. J., Greene, B. Z., Hertz, M. F., & Pritzl, J. (2007). Health and safe school environment, Part 1: Results from the School Health Policies and Programs Study 2006. *Journal of School Health*, 77(8), 522-543.
- Jain, V., Sharma, R., & Singh, S. (2012). Doing Meta-Analysis in Research: A Systematic Approach. *Indian Journal of Dermatology, Venereology, and Leprology*, 78(3).
- Johnson, B. T., Mullen, B., & Salas, E. (1995). 'Comparison of Three Major Meta-Analytic Approaches'. *Journal of Applied Psychology*, 80, 94-106.
- Jamaludin, S. (2013). *Impak Program Pencegahan Dadah Shields Kepada Pembangunan Pelajar di Daerah Kluang, Johor* (Tesis Sarjana), Universiti Teknologi Malaysia.
- Kulinskaya, E., Morgenthaler, S., & Staudte, R. G. (2008). *Meta Analysis: A Guide to Calibrating and Combining Stistical Evidence*. John Wiley & Sons, Ltd.
- Kenneth, W. G., Gilbert, J. B., Tracy, R. N., & Margaret, M. D. (2003). Effectiveness of a Universal Drug Abuse Prevention Approach for Youth at High Risk for Substance Use Initiation, *Elsevier Journal*, 36(1), 1-7.
- Lau, Y. S. (2013). *Impak Program Pencegahan Dadah Shields Kepada Pembangunan Pelajar di Daerah Batu Pahat* (Tesis Sarjana), Universiti Teknologi Malaysia.

- Luhman, M., Eid, M., Hofmann, W., & Lucas, R. E. (2012). Subjective Well-Being and Adaption to Life Events: A Meta-Analysis. *Journal of Personality and Social Psychology*, 102(3), 592-615. Doi: 10.1037/a0025948.
- Morris, S. B. (2008). Estimating Effect Sizes From Pretest-Posttest-Control Group Designs. *Organizational Research Methods*, 11(2), 364-386. Sage Publications: 10.1177/1094428106291059.
- Mohd Noorazam, A. R., Fatin, A. M. R., Mohamad, A. A., Hasbullah, I., Ani, M. D. M., & Soffian, O. F. (2009). Pengajaran Penyalahgunaan Dadah dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4, *Kajian AADK*.
- Mohd Noorazam, A. R. (2006). *Keberkesanan Pengajaran Terhadap Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Murid Tingkatan Empat Di Sebuah Sekolah Menengah Lembah Kelang* (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Mara.
- Mohd Noorazam, A. R., & Fatin, A. M. R. (2008). *Keberkesanan Pengajaran Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Murid Tingkatan 4 Sekolah Menengah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 2, Shah Alam, Selangor*.UITM.
- Mohd, M. S. (2015). Implikasi Kajian Risiko dan Pelindung Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Remaja dan Belia Terhadap Program Pencegahan Dadah. *Jurnal AADK*, 9(1).
- Mohammad, A. S., Muzaffar, S., Ahmad, J. J., Syed, S., & Muhammad, B. M. (2013). *Kesan Program Pencegahan Dadah Berasaskan Modul Pengubahsuaian Corak Pemikiran (PCP) ke atas Daya Tahan dan Kelangsangan dalam kalangan Belia Berisiko*. AADK (Kod, 2012-0105-106-13).
- Morgan, T. J., White, H. R., & Mun, E. Y. (2002). Identification, prevention and treatment: A review of individual-focused strategies to reduce problematic alcohol consumption by college students. *Journal of Studies Alcohol Supplement Mar* (14), 148-163.
- Mohammad, N. B., Ahmad, J. J., Muhamad, B. M., Noraini, I., Samsiah, M. J., Aslina, A., Amelia, M. N., Faizura, R., & Mohd, N. I. (2013). *Remaja Berisiko Mengambil Dadah: Langkah Pengesanan dan Pencegahan Awal*. AADK & UPSI (Kod, 2012-0104-106-13).
- Mahmood, N. M., Yahya, D., Mohamad, H., & Muhamad, D. K. (2005). Program Pendidikan Pencegahan Dadah SLAD: Adakah Ia Berkesan Mencapai Matlamatnya?, *MJLI*, 2, 1-16.
- Mohamad, J. S. (2012). Permasalahan Penagihan Dadah: Tinjauan di Pusat Serenti Selangor. *International Seminar on Community Development*. Fakulti Perkembangan Sosial, UMT.
- Nazariah, S. J., Nor, D. M. M., Azlin, A., & Mimi, I. M. I. (2013). Kefahaman Kemahiran Keibubapaan dan Kesedaran Kesan Dadah kepada Kesihatan Sebelum dan Sesudah Peserta Menghadiri Program 'Family on Alert'. *Kajian AADK*.

- Nancy, S. T. (1986). Meta-Analysis of 143 Adolescent Drug Prevention Programs: Quantitative Outcome Results of Program Participants Compared to a Control or Comparison Group. *Journal of Drug Issues*, 16(4).
- Nor, A. (2013). *Impak Program Pencegahan Shields Kepada Pembangunan Pelajar Di Daerah Segamat, Johor* (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Olejnik, S., & Algina, J. (2000). Measures of Effect Size for Comparative Studies: Applications, Interpretations, and Limitations. *Contemporary Educational Psychology*, 25, 241-286. Doi: 10.1006/ceps.2000.1040.
- Rosenthal, R., & DiMatteo, M. R. (2001). Meta-Analysis: Developments in Quantitative Methods for Literature Reviews. *Annual Review of Psychology*, 52, 59.
- Razak, L., Nur, A. A., Noor, A. Z., Nurul, S. A., Abdul, H. A. W., Azizah, H., Suriati, A. R., Siti, N. A., Roslizawati, M. A., & Muhammad, A. S. (2014). Empowering Youth in Drug Prevention Education Programmes through Motivational Camp Retreat. *International e-Journal of Community & Industry Engagement*, 1(2), 22-30.
- Richard, R. C., Anne, M. C., & Bryan, M. J. (1991). The Effectiveness of Drug Abuse Resistance Education (Project DARE): 5-Year Follow-Up Results. *Preventive Medicine*, 25(3), 307-318.
- Rongione, D., Erford, B. T., & Broglie, C. (2011). Alcohol and Other Drug Abuse Counseling Outcomes for School-Aged Youth: A Meta-Analysis of Studies From 1990 to 2009. *Counseling Outcome Research and Evaluation*, 2(1), 8-24. Doi: 10.1177/2150137811400595.
- RoZIAH, O. (2013). *Pemeriksaan Strategi Intervensi dan Pencegahan Dadah Berasaskan Tanggungjawab Sosial Komuniti*. *Jurnal AADK*.
- Strom, H. K., Adolfsen, F., Fossum, S., Kaiser, S. & Martinussen, M. (2014). Effectiveness of School-Based Preventive Interventions on Adolescent Alcohol Use: A Meta-Analysis of Randomized Controlled Trials. *Subst Abuse Treat Prev Polisy*, 9(48).
- Sabitha, M., Mahmood, N. M., & Muhammad, D. K. (2013). *Keberkesanan Program SHIELDS dalam Mencegah Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Remaja Berisiko*. AADK.
- Tobler, N. S., & Stratton, H. H. (1997). Effectiveness of School-Based Drug Prevention Programs: A Meta-Analysis of the Research. *Journal of Primary Prevention*, 18(1), 71-128.
- Tobler, N. S., Roona, M. R., & Ochshorn, P. (2000). School-Based Adolescent Drug Prevention Programs: 1998 Meta-Analysis. *Journal of Primary Prevention*, 20(4), 275-336.
- Vijayalachumy, A. (2010). *Implementation of School-Based Drug Prevention Programme in Petaling Perdana District* (Tesis Sarjana). Universiti Sains Islam Malaysia.

William, R. K. &Jun, H.,(2005) *Understanding the Role and Methods of Meta-Analysis in IS Research*.(<http://www.encyclopedia.com/doc/1G1-11008717.html>)

Zainol, A. A., Abdul, H. M. H., Musa, A. H., Mohd, Z. Z., & Muhamad, Z. M. (2013). *Tahap Keberkesanan Kempen Antidadah di Malaysia dan Strategi Komunikasi Bagi Peningkatan Kesedaran Bahaya Penyalahgunaan Dadah*. USIM & AADK.